



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAN KAEDEH PEMBELAJARAN KOPERATIF JIGSAW II TERHADAP  
PENCAPAIAN PEMBELAJARAN GAYA BAHASA TEKS PUSSI  
TRADISIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

**NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID**

**FPP 2019 8**



**KESAN KADEAH PEMBELAJARAN KOPERATIF JIGSAW II TERHADAP  
PENCAPAIAN PEMBELAJARAN GAYA BAHASA TEKS PUISI  
TRADISIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

**NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID**

Thesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

April 2019

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF JIGSAW II TERHADAP  
PENCAPAIAN PEMBELAJARAN GAYA BAHASA TEKS PUISI  
TRADISIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL**

Oleh

**NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID**

**April 2019**

Pengerusi : Shamsudin bin Othman, PhD  
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Isu yang sentiasa dibangkitkan dalam pembelajaran Kesusastraan Melayu ialah mengenai masalah untuk memahami teks sastera di samping persekitaran pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Selain itu, masalah guru-guru yang masih kurang pengetahuan mengenai tahap pelaksanaan teknik Jigsaw II menyebabkan teknik ini masih jarang digunakan dalam pembelajaran. Pada hari ini, masih terdapat guru-guru yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional menyebabkan para pelajar berasa bosan dan sukar untuk menguasai intipati yang cuba disampaikan melalui teks sastera. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II terhadap pelaksanaan kemahiran membaca teks sastera untuk meningkatkan pengetahuan pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa teks sastera melalui 5 tahap pelaksanaan Jigsaw II yang telah digariskan oleh Slavin (1995). Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kuasi-eksperimen yang terdiri daripada 25 orang pelajar kumpulan kawalan dan 25 orang pelajar kumpulan eksperimen di Kolej Vokasional Setapak. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan markah ujian pasca antara kumpulan kawalan ( $M= 2.88$ ,  $SP= 1.234$ ) dengan kumpulan eksperimen [ $M= 4.96$ ,  $SP= 1.594$ ,  $t(48) = -5.16$ ,  $p= .000 < 0.05$ ]. Oleh itu, hasil dapatan ini menunjukkan bahawa teknik Jigsaw II membantu meningkatkan pengetahuan pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa teks puisi tradisional.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Master of Science

**THE EFFECTS OF COOPERATIVE LEARNING JIGSAW II ON THE  
LEARNING ACHIEVEMENTS OF TRADITIONAL POETRY TEXTS  
DICTION AMONG VOCATIONAL COLLEGE STUDENTS**

By

**NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID**

**April 2019**

**Chariman : Shamsudin bin Othman, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

An issue that has been of concern in the learning of Malay literature is the comprehension of literary texts that are being studied and the unexciting approaches to teaching it. Furthermore, there are teachers who lack knowledge of the Jigsaw II technique so the technique is rarely used in the learning process. Moreover, some teachers still use traditional teaching methods. This leads to students having difficulties understanding the messages that are being conveyed through the literary texts. Therefore, the aim of this concept paper is to investigate the effectiveness of the Jigsaw II cooperative learning technique. The researcher intended to study the effectiveness of the Jigsaw II cooperative learning technique in improving the students' performance and their understanding towards reading skills for literary texts through the 5 stages of the Jigsaw II technique as outlined by Slavin (1995). This study was conducted using the quasi-experimental method. 25 students were recruited from Kolej Vokasional Setapak for the control and experimental groups respectively. The results of the post-test indicate a significant difference between the control ( $M= 2.88$ ,  $SP= 1.234$ ) and experiment groups [ $M= 4.96$ ,  $SP= 1.594$ ,  $t(48)= -5.16$ ,  $p= .000 < 0.05$ ]. The results show that the Jigsaw II technique helps improve students' understanding and learning of literary devices in classical poetry.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurnianya serta bantuan dari Yang Maha Esa, saya dapat melaksanakan dan menyiapkan kertas penyelidikan ini sebagaimana yang dikehendaki dengan sebaiknya.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Shamsudin Bin Othman, selaku penyelia kertas penyelidikan dan Dr. Azhar Bin Md Sabil selaku ahli komiti kerana telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan projek ini.

Jutaan terima kasih juga kepada Puan Salmah binti Ismail, ibu saya yang telah memberikan galakan serta sokongan sepanjang proses pelaksanaan penyelidikan ini dan arwah ayah Diyazid bin Mohd Abdu kerana sentiasa memberikan dorongan sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan program Master Sains PBMP yang memberikan kerjasama membantu saya dalam penulisan kertas projek ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Segala jasa dan budi kalian hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas. Saya berharap agar kajian yang telah dijalankan ini mampu memberikan manfaat kepada sistem pendidikan di negara kita khususnya dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran untuk subjek Bahasa Melayu dengan efektif.

Sekian, terima kasih.

NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID  
GS 47072  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

**Shamsudin Othman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Azhar Md Sabil, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas.
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nur Syaza Farha binti Diyazid, GS 47072

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Shamsudin bin Othman

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Azhar bin Md Sabil

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	ix
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

### **BAB**

**1**

#### **PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Hipotesis Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Skop dan Batasan Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.9 Rumusan	17

**2**

#### **SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pendahuluan	18
2.2 Kajian-Kajian Lepas	18
2.3 Kaedah Pembelajaran Koperatif	26
2.4 Teknik Pembelajaran Koperatif	29
2.5 Model Jigsaw II	30
2.6 Model Pembelajaran Koperatif Jigsaw II	33
2.7 Kerangka Teoritikal Kajian	34
2.8 Kerangka Konseptual Kajian	39
2.9 Rumusan	40

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	42
3.3	Akses kepada Pemilihan Peserta dan Lokasi Kajian	43
3.4	Tempoh Kajian	45
3.5	Lokasi Kajian	45
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	46
3.7	Kaedah Penganalisisan Data	56
3.8	Kajian Rintis	57
3.9	Rumusan	59
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	60
4.2	Analisis Praujian	60
4.3	Analisis Taburan Markah	62
4.4	Analisis Pascaujian	77
4.5	Analisis Pengujian Hipotesis	79
4.6	Analisis Demografi Responden (Bahagian A)	82
4.7	Analisis Tahap Pelaksanaan Jigsaw II	84
4.8	Rumusan	94
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Hasil Dapatkan	95
5.3	Cadangan dan Penambahbaikan	106
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	108
5.5	Rumusan	109
	<b>SENARAI RUJUKAN</b>	110
	<b>LAMPIRAN</b>	115
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	138
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	139

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Refleksi Pengajaran Harian	47
2	Pembahagian Borang Soal Selidik	56
3	Jadual Interpretasi Skor Min	57
4	Keputusan Hasil Kajian Rintis Berdasarkan Konstruk Instrumen	58
5	Keputusan Hasil Kajian Rintis	58
6	Tafsiran Min Praujian Syair Bidasari Kumpulan Eksperimen	61
7	Tafsiran Min Praujian Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga Kumpulan Eksperimen	61
8	Tafsiran Min Praujian Syair Bidasari Kumpulan Kawalan	61
9	Tafsiran Min Praujian Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga Kumpulan Kawalan	62
10	Taburan Markah Teks Syair Bidasari Kumpulan Eksperimen	62
11	Taburan Markah Teks Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga	64
12	Tafsiran Min Pascaujian Syair Bidasari Kumpulan Eksperimen	77
13	Tafsiran Min Pascaujian Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga Kumpulan Eksperimen	78
14	Perbezaan Skor Min Praujian Antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen	79
15	Perbezaan Skor Min Pascaujian Antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen	80
16	Perbezaan Skor Min Praujian dengan Pascaujian Kumpulan Eksperimen	81
17	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	82
18	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	82
19	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Peperiksaan Pt3	83
20	Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman	83
21	Tafsiran Min Tahap Membaca	84
22	Nilai Min Bagi Setiap Item Tahap Membaca	85
23	Analisis Statistik Tahap Membaca	86
24	Tafsiran Min Tahap Perbincangan	87
25	Nilai Min Bagi Setiap Item Tahap Perbincangan	87
26	Analisis Statistik Tahap Perbincangan	88
27	Tafsiran Min Tahap Laporan	89
28	Nilai Min Bagi Setiap Item Tahap Laporan	89
29	Analisis Statistik Tahap Laporan	90
30	Tafsiran Min Tahap Kuiz	91
31	Nilai Min Bagi Setiap Item Tahap Kuiz	91

32	Analisis Statistik Tahap Kuiz	92
33	Tafsiran Min Tahap Penghargaan	93
34	Nilai Min Bagi Setiap Item Tahap Penghargaan	93
35	Analisis Statistik Tahap Penghargaan	94



## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Krputusan Bahasa Melayu Pt3	10
2	Kerangka Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky	34
3	Kerangka Konseptual Kajian	39
4	Fasa Pelaksanaan Kajian	54

## **SENARAI SINGKATAN**

PPPM 2013-2025	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
KV	Kolej Vokasional
BSS	Borang Soal Selidik
OUM	Open University Malaysia
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
ETN	Elektronik
MPI	Pemesinan Industri
MPP	Penyejukkan Dan Penyamanan Udara

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Institusi pendidikan di Malaysia sedang mengalami proses pembangunan Pdpc melalui program transformasi pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Pelbagai penambahbaikan dan pembaharuan dilaksanakan sebagai satu usaha memberi nafas baharu kepada institusi pendidikan agar dapat berdiri seiring dengan negara-negara luar seperti negara Finland. Umum dapat melihat bahawa sistem pendidikan hari ini amat menitikberakan pembelajaran yang berpusatkan murid bagi memastikan ilmu pengetahuan yang disalurkan oleh guru memenuhi kehendak dan keperluan para pelajar.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) ada memperkenalkan *student-centered-learning* atau pembelajaran berpusatkan pelajar. Program tersebut bertujuan untuk mempersiapkan para pelajar dengan enam ciri yang telah digariskan iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, profesi dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti sosial. PPPM 2013-2025 ini merupakan satu usaha kerajaan bagi melaksanakan satu transformasi dalam pendidikan seiring dengan kemajuan teknologi dan sains pada hari ini. Oleh itu, pelaksanaan pembelajaran pada hari ini bertumpu kepada pelajar sebagai usaha untuk membekalkan para pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berfikir untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Tugas guru sebagai pemudah cara dan tidak mendominasi persekitaran pembelajaran. Disebabkan hal ini, dalam pembelajaran abad ke -21 dikenali sebagai PdPc iaitu pembelajaran dan pemudahcaraan. Zamri Mahmud (2012) menyatakan bahawa PdPc pada abad ke-21 ini masih lagi berpusatkan guru, namun ia juga penting untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di sekolah.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

##### **1.2.1 Pembelajaran Koperatif**

Melalui pelbagai pembaharuan dan transformasi pendidikan, usaha menuntut ilmu pada hari ini bukanlah hanya bergantung kepada guru semata-mata. Usaha dalam mendapatkan ilmu pengetahuan itu bertumpu dan bergantung kepada diri pelajar itu sendiri. Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd. Fazli (2010) yang menyatakan bahawa pelajar juga digalakkan untuk membina jalan penyelesaian terhadap sesuatu masalah menggunakan idea dan hipotesis yang telah dibina. Guru hanya bertindak sebagai

fasilitator. Selain itu, kaedah koperatif ini juga merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang bertepatan dengan dunia pendidikan hari ini yang mementingkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Pembelajaran koperatif ini juga turut diberikan peranan penting bagi menyahut cabaran ini.

Dalam sistem pembelajaran abad ke -21 ada menyebut tentang pembelajaran koperatif malah turut disentuh dalam standard pembelajaran juga ada yang menyokong supaya menggunakan pembelajaran koperatif sebagai satu proses PdPc. Pembelajaran koperatif ini merupakan satu kaedah pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar dalam melibatkan perbincangan antara ahli kumpulan sebagai usaha menerapkan nilai kerjasama dan pencapaian matlamat dalam sesuatu pembelajaran secara berkumpulan. Pembelajaran koperatif ini muncul dan menggantikan sistem pembelajaran yang bersifat individual atau berpusatkan guru seperti pembelajaran autokratik. Pembelajaran koperatif adalah satu pembelajaran yang dikembangkan melalui teori konstruktivisme kerana melibatkan interaksi sosial dalam membangunkan kognitif atau menguasai sesuatu tajuk. Oleh itu, pembelajaran koperatif ini merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan pelbagai kebolehan kerjasama dalam satu kumpulan yang kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Slavin (2009: 13) juga menyatakan terdapat empat prinsip pembelajaran koperatif jika ingin menerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Prinsip pertama adalah kebergantungan positif antara satu sama lain atau '*Positive Interdependence*'. Kedua adalah terbentuknya rasa tanggungjawab individu atau '*Individual Accountability*', ketiga adalah 'keseimbangan dan keputusan dalam kelompok *Equal Participation*' dan keempat adalah interaksi secara menyeluruh atau '*Simultaneous Interaction*'. Lima elemen yang terdapat dalam pembelajaran koperatif ini adalah saling bergantung antara satu sama lain secara positif, saling berinteraksi secara bersemuka, akauntibiliti individu atas pembelajaran diri sendiri, kemahiran koperatif dan pemprosesan kumpulan. Sasaran bagi pembelajaran koperatif ini bukanlah bersifat individu tetapi untuk rakan-rakan sekumpulan yang lain juga.

Terdapat beberapa teknik pembelajaran koperatif yang telah diperkembangkan oleh tokoh-tokoh pendidikan iaitu kaedah *Jigsaw I* dan *Jigsaw II*, *Teams-Games-Tournaments (TGT)*, *Student Teams Achievement Division (STAD)*, belajar bersama (*learning together*), permainan panggil nombor (*numbered heads*), dan meja bulat (*round table*). Namun dalam kajian ini, pembelajaran koperatif Jigsaw II akan menjadi tumpuan utama pengkaji.

Kaedah pembelajaran koperatif pada awalnya dikembangkan oleh Elliot Aronson pada tahun 1974 selepas kaedah ini mendapat dukungan daripada teori Konstruktivisme yang dibawa oleh Vygotsky. Teori konstruktivisme yang mendasari dan mendukung kaedah koperatif ini juga dikenal sebagai Teori Konstruktivisme Sosial oleh Vygotsky yang menekankan kepentingan interaksi dan sosial dalam pembinaan kognitif. Kenyataan ini disokong oleh Rustamam (2003: 206) yang menyatakan bahawa pembelajaran koperatif merupakan salah satu pembelajaran yang dikembangkan dari teori konstruktivisme kerana perkembangan kognitif dilakukan untuk membangunkan pengetahuan sendiri melalui pemikiran secara rasional.

### **1.2.2 Pembelajaran Koperatif Jigsaw II**

Seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan pada hari ini, guru bukan sahaja perlu menguasai isi kandungan pembelajaran, tetapi guru juga perlu tahu dan menguasai teknik pembelajaran yang akan digunakan semasa sesi pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Abd. Aziz Abd. Talib (2000) yang menyatakan kemahiran guru bergantung kepada dua faktor utama iaitu kecekapan guru itu sendiri di dalam bilik darjah dan pengetahuan serta kepakarannya tentang kaedah dan teknik mengajar bahasa. Kaedah pembelajaran koperatif adalah salah satu kaedah yang dirasakan sesuai untuk diamalkan semasa sesi pembelajaran hari ini. Secara lebuh terperinci, salah satu teknik pembelajaran yang berada di bawah kaedah pembelajaran koperatif ini ialah teknik Jigsaw II. Teknik ini dikembangkan oleh Slavin (1986) yang diadaptasi daripada teknik pembelajaran Jigsaw yang pertama yang telah dikembangkan oleh Elliot Aronson (1974). Pada awalnya, teknik Jigsaw II ini dikembangkan sebagai usaha untuk mengembangkan lagi kerja secara berkumpulan, keterampilan belajar koperatif dan penguasaan pengetahuan secara mendalam yang tidak dapat diperolehi melalui pembelajaran secara individu. Secara umumnya, dapat dinyatakan di sini bahawa teknik Jigsaw II ini merupakan salah satu teknik pembelajaran di bawah kaedah pembelajaran koperatif yang dikembangkan lagi untuk membantu kepada pembelajaran secara efektif dalam meningkatkan hasil pembelajaran dan prinsip pembelajaran koperatif juga yang mendasari perkembangan model-model koperatif yang lain juga. Teknik Jigsaw II ini dibentuk sebagai usaha untuk melakukan penambahbaikan dengan memberi peluang kepada semua pelajar untuk mempelajari keseluruhan tema pembelajaran berbanding Jigsaw yang pertama yang hanya fokus kepada subtopik yang diperolehi oleh pelajar sahaja. Kenyataan ini disokong oleh Trianto (2010:75) perbezaan yang mendasari pembelajaran Jigsaw I dan Jigsaw II ini dari segi ketelitiannya. Melalui Jigsaw I para pelajar hanya menguasai konsep tertentu yang telah diberikan, berbanding dengan Jigsaw II yang memberi peluang untuk memahami keseluruhan konsep (*scan reading*) sebelum menjadi pakar pada bahagian tertentu yang telah diberikan.

Kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II ini membentuk suasana pembelajaran yang bermula daripada memahami dasar sehingga pemecahan masalah yang lebih kompleks. Dalam kaedah ini juga, setiap ahli kumpulan akan menjadi ‘juru’ bagi setiap subunit dalam sesuatu unit topik yang dipelajari. Setiap ‘juru’ perlu memahami subunit yang diberikan dan akan menerangkan kepada ahli kumpulan yang lain. Soal jawab dan perbincangan yang berlaku dalam kumpulan ini memberi ruang kepada ‘juru’ dan ‘ahli’ untuk sama-sama berbincang untuk pembentangan. Melalui perbincangan yang dijalankan akan membantu kepada pemahaman dan ingatan jangka panjang. Selain itu, kaedah Jigsaw II ini juga memberi peluang kepada pelajar cemerlang memberi tunjuk ajar kepada kepada pelajar yang kurang cemerlang dan dapat meningkatkan keyakinan mereka.

Teknik Jigsaw II ini dibentuk sebagai satu usaha untuk membantu para pelajar memperolehi ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih mudah, seronok dan tidak

membosankan khususnya dalam pembelajaran teks sastera. Seperti kaedah koperatif yang menekankan pembelajaran secara berkumpulan, teknik Jigsaw II juga turut sama menekankan pembelajaran secara berkumpulan tetapi dengan cara yang lebih eksklusif dan efisyen kerana mempunyai syarat pelaksanaannya dan langkah-langkah pelaksanaannya yang tersendiri. Berbeza dengan teknik Jigsaw yang pertama, teknik Jigsaw II lebih teratur dan berkesan serta terdapat 5 tahap pelaksanaan yang perlu dipatuhi untuk memastikan keberkesanannya dalam pembelajaran. 5 tahap tersebut ialah membaca, perbincangan, laporan, kuiz dan penghargaan.

Selain itu, teknik Jigsaw II mengutamakan pemerolehan isi pembelajaran yang sama untuk semua pelajar atau kesaksamaan dalam pembelajaran. Disebabkan itu, teknik Jigsaw II dilaksanakan menggunakan kumpulan ahli dan kumpulan pakar bagi memastikan para pelajar memahami sepenuhnya isi pembelajaran tersebut. Berbeza dengan teknik Jigsaw yang kurang menekankan kesaksamaan dalam pembelajaran hanya fokus kepada bahagian subtopik yang diberikan sahaja. Seiring dengan perkembangan institusi pendidikan hari ini, tugas guru dalam teknik Jigsaw II hanya sebagai pembimbing atau fasilitator. Manakala, pelajar bertanggungjawab untuk mencari ilmu pengetahuan sendiri dan perlu aktif. Guru hanya sebagai pemudahcara dan memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berada di landasan yang betul.

Seperti kaedah pembelajaran yang lain, kaedah pembelajaran Jigsaw II juga turut mempunyai langkah pelaksanaannya di dalam kelas demi menjamin kelincinan pengajaran dan pembelajaran serta berkesan. Pertama, pelajar akan dikelompokkan dalam satu kumpulan seramai empat hingga enam orang pelajar. Kedua, setiap ahli kumpulan diberikan satu topik yang sama dan semua pelajar perlu membaca topik itu secara keseluruhan. Ketiga, setiap pelajar dalam kumpulan akan diberikan agihan subtopik yang perlu dikuasai. Keempat, kemudian setiap pelajar yang mempunyai subtopik yang berbeza akan bertemu dengan kelompok kumpulan yang mempunyai subtopik yang sama dan berbincang mengenai subtopik yang diperolehi secara lebih mendalam. Kelima, pelajar akan bergerak ke kumpulan asal dan berkongsi mengenai subtopik yang telah dibincangkan dalam kumpulan ahli sebentar tadi. Keenam, setiap pelajar akan membentangkan hasil perbincangan mereka. Terakhir, guru akan membuat penilaian terhadap pembentangan tersebut sama ada menepati subtopik atau tidak. Jika tidak, guru akan membetulkan semula dapatan perbincangan pelajar tersebut. Cara pelaksanaan kaedah Jigsaw II ini amat bersesuaian dengan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 yang banyak menumpukan kepada para pelajar yang perlu aktif dalam menguasai sesuatu pembelajaran dan banyak berbincangan antara ahli kumpulan.

Selaras dengan kemajuan dan perkembangan dunia pada hari ini, institusi pendidikan juga tidak lari dari terlibat dengan arus transformasi dan perubahan. Perubahan yang dimaksudkan bukanlah dari segi pengurusan atau menambah bilangan ahli kakitangan sektor pendidikan, tetapi perubahan dari segi dinamik proses pengajaran dan pembelajaran (Datuk Sri Najib, September 2002). Disebabkan hal ini, maka wujudlah pembelajaran abad ke-21 yang bersifat futuristik, fleksibel, dan dinamik agar dapat menentukan corak masyarakat dan profil bangsa dan warganegara Malaysia yang boleh

menangani cabaran dalam arus globalisasi, ledakan ilmu dan maklumat. Antara elemen penting dalam pembelajaran abad ke-21 ini adalah kemahiran berfikir aras tinggi yang perlu diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dalam setiap matapelajaran termasuklah sastera melayu. Pada hari ini, sastera boleh dilihat sebagai satu wahana untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi (N.S Rajendran, 2000). Hal ini kerana, melalui sastera boleh mengasah pelajar untuk berfikir secara aras tinggi dengan mempraktikkan kemahiran seperti meramal, merumus, membuat inferens, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Kemahiran berfikir aras tinggi bukan sahaja melibatkan untuk memahami dan mengetahui, namun kajian ini melibatkan sesuatu pembelajaran yang telah dipecahkan kepada bahagian yang lebih kompleks untuk diselesaikan oleh para pelajar. Melalui hal ini, tidak disangkal lagi bahawa KBAT ini boleh dipupuk melalui pembelajaran dan penguasaan dalam sastera melayu. Kenyataan turut disokong oleh Block (1993) yang menyatakan bahawa kebolehan berbahasa dan berfikir seseorang individu saling bantu-membantu.

Dalam usaha untuk membentuk persekitaran PdPc yang aktif dan tidak pasif seperti yang dituntut pembelajaran abad ke-21, pelaksanaan pembelajaran koperatif Jigsaw II amatlah penting. Hal ini kerana, pembelajaran koperatif Jigsaw II merupakan satu kaedah pembelajaran yang membenarkan pelajar belajar dan mengajar antara satu sama lain. Mohaffyza (2008) menyokong kenyataan ini melalui kajian yang dijalankannya yang membuktikan bahawa pembelajaran koperatif ini menggalakkan pelajar mengajar dan belajar sesama mereka. Disiplin ilmu dan tanggungjawab dalam memahami, menguasai dan menerangkan semula kepada rakan-rakan yang lain sememangnya membantu kepada pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 yang akan melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, aktif mencari ilmu dan mempunyai komunikasi serta interaksi sosial yang baik sesuai dengan permintaan pembelajaran abad ke-21 ini. Pendapat ini bersamaan dengan cadangan yang diutarakan oleh Amira (2008) dan Lai (2006) yang mencadangkan bahawa pembelajaran koperatif ini harus dijadikan kaedah pembelajaran yang penting dan diamalkan di semua sekolah, lebih baik dari kaedah pembelajaran tradisional sesuai dengan permintaan dan cabaran dunia alaf ke-21.

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan fokus utama kepada penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II terhadap penguasaan sastera tanpa mengeneppikan penguasaan dalam Komsas yang telah menjadi salah satu elemen sastera dalam matapelajaran Bahasa Melayu di Malaysia. Komsas ialah akronim kepada ‘komponen’ dan ‘kesusasteraan melayu’ mula diperkenalkan pada tahun 2000 dalam sukanan pelajaran Bahasa Melayu. Komsas ini merupakan ‘s’ kecil kepada kesusasteraan Melayu berbeza dengan fungsi ‘S’ besar yang dalam sastera. Walaubagaimanapun, pengajaran Komsas ini juga memerlukan kaedah dan ilmu yang cukup dalam sastera untuk diajarkan kepada para pelajar khususnya bakal guru Bahasa Melayu yang perlu tahu dan faham secara mendalam karya-karya sastera yang dikaji dalam Komsas ini. Tanpa ilmu dan persediaan yang baik, walaupun Komsas ini merupakan ‘s’ kecil sahaja dalam sastera melayu, namun ia masih memerlukan penggunaan kaedah pembelajaran yang betul dan berkesan. Teks-teks sastera yang digunakan dalam Komsas ini juga bukanlah satu teks atau karya yang bersifat picisan, namun pelbagai penilaian dan tapisan yang dilaksanakan bagi memastikan teks sastera yang digunakan berkualiti dan menepati

kehendak dunia pendidikan pada hari ini dalam melahirkan para pelajar yang mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi.

Oleh itu, penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II ini dalam Komsas sedikit sebanyak akan dapat membantu para pelajar memahami dan menghayati karya-karya sastera yang disampaikan melalui cerpen, drama, puisi serta prosa yang kaya dengan pelbagai nasihat dan mampu membantu pelajar untuk menguasai sastera secara tidak langsung. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, penguasaan terhadap sastera Melayu dan komponen sastera ini amatlah penting bagi melahirkan para pelajar yang dapat memahami manusia dan membantu kepada penyerapan nilai-nilai murni dalam membentuk keperibadian yang mulia di samping mewujudkan masyarakat yang mempunyai tahap pemikiran aras tinggi yang dapat dibina melalui penguasaan sastera melayu sebagai wahana pemikiran pada hari ini.

### **1.2.3 Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II dalam pembelajaran Komsas**

Mutakhir ini kita dapat menyaksikan nasib yang melanda sastera Melayu yang semakin terpinggir disebabkan arus kemajuan sains dan teknologi. Persepsi yang menimpa sastera Melayu ini sudah kian dibendung dan terus dianggap sebagai tidak membawa kemajuan kepada sesuatu masyarakat. . Disebabkan hal ini, maka Komsas diwujudkan dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai usaha untuk memartabatkan sastera Melayu dalam kalangan pelajar sekolah melalui Bahasa Melayu. Masalah yang sama turut dihadapi oleh Komsas, walaupun hanya sebahagian komponen kecil dalam sastera melayu namun ia masih kurang mendapat perhatian para pelajar sekolah. Selain itu masalah masyarakat yang kurang minat membaca menyebabkan mereka tidak mampu untuk menghayati dan menguasai sastera dengan baik. Kenyataan ini turut disokong oleh Rahman Halib (2000) yang menyatakan masalah pembelajaran Kesusteraan Melayu pada hari ini disebabkan oleh sikap pelajar yang kurang minat membaca menyebabkan terjejasnya aspresiasi pelajar terhadap karya sastera. Secara tidak langsung, sikap yang tidak suka membaca ini akan menyebabkan tahap penguasaan sastera semakin lemah.

Selain itu, masalah peminggiran sastera Melayu ini bukan sahaja berlaku dalam sistem persekolahan, malahan di institusi pengajian tinggi. Sastera melayu menerima nasib yang sama di institusi pengajian tinggi kerana berhadapan dengan saingan sengit pengajian-pengajian lain khususnya sains dan teknologi. Walaupun pelbagai inisiatif yang telah dijalankan, namun persepsi negatif terhadap sastera Melayu ini masih lagi tidak dapat dihapuskan. Malahan masalah ini semakin serius apabila kita dapat menyaksikan semakin banyak sekolah yang tidak menawarkan atau menutup kelas beraliran sastera Melayu dan hanya fokus kepada kelas-kelas yang beraliran sains dan teknologi sahaja. Secara tidak langsung perbuatan ini menyebabkan sastera Melayu semakin dilupakan. Bukan itu sahaja, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam PdPc Komsas dan sastera Melayu juga masih lagi bertaraf konvensional dan hanya berpusatkan guru. Kajian Laungeng (2016) telah membuktikan bahawa pengajaran guru yang bersifat tradisional menyebabkan minat dan pencapaian pelajar menurun. Selain itu, Khadir (2010) mendapati bahawa ramai guru yang masuk

ke kelas hanya membawa buku teks Komsas sahaja tanpa membawa alat-alat bantuan yang lain yang boleh menarik minat pelajar semasa proses pembelajaran. Hal ini yang menjadi salah satu sebab matapelajaran Komsas dan sastera melayu tidak diminati oleh para pelajar.

Bukan itu sahaja, malahan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pembelajaran (DSKP) juga turut menyatakan dan menekankan tentang pembelajaran koperatif yang difikirkan bersesuaian dengan suasana dan keperluan pembelajaran pada hari ini. Selaras dengan kenyataan dalam Huraian Sukatan Pelajaran yang ada menyentuh mengenai pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran koperatif merupakan salah satu teknik pembelajaran yang berpusatkan murid dan mampu melibatkan para pelajar secara aktif serta membantu kepada penguasaan sesuatu topik pembelajaran dengan lebih berkesan. Kenyataan ini disokong oleh penyelidikan Johnson & Johnson (1974) yang mendapati bahawa pengalaman pembelajaran koperatif menggalakkan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pengalaman pembelajaran secara individu.

Oleh itu, penggunaan kaedah pembelajaran yang pelbagai khususnya yang tidak membosankan serta berpusatkan kepada murid amatlah digalakkan. Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II merupakan salah satu kaedah PdPc yang menyeronokkan melibatkan perbincangan antara rakan sekelas dan membantu pelajar untuk menguasai PdPc Komsas dengan baik. Pembelajaran Komsas dalam koperatif Jigsaw II ini banyak membantu pelajar untuk mencari ilmu dan menguasai sastera secara berdisiplin dan tidak bergantung kepada guru semata-mata. Para pelajar perlu membaca dan memahami sendiri keseluruhan topik dan menguasai subtopik yang diberi sebelum berdiskusi antara satu sama lain yang boleh membantu meningkatkan pengetahuan, manambahkan informasi serta membantu kepada ingatan masa panjang kerana para pelajar sendiri yang terlibat dalam proses penerimaan ilmu tersebut.

Selain itu, penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II dalam pembelajaran teks sastera ini akan dapat memberikan satu perspektif dan tanggapan yang baru terhadap mudahnya untuk memahami dan menguasai sastera Melayu. Para pelajar akan berasa seronok semasa proses PdPc kerana mereka terlibat secara aktif untuk menjana pengetahuan yang membantu untuk menguasai sastera dan memahami topik yang dibincangkan dengan lebih baik. Kaedah ini juga ada melibatkan pembentangan kumpulan untuk guru menilai sejauh mana tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap sastera. Pembelajaran abad ke-21 turut sama diselitkan dalam proses pelaksanaan kaedah pembelajaran ini sebagai usaha untuk menjadikan matapelajaran Komsas sebagai salah satu mata pelajaran yang berkembang seiring dengan kemajuan dunia juga. Secara tidak langsung, tanggapan negatif masyarakat terhadap sastera melayu ini dapat dihapuskan dan memberi nafas baru kepada sastera untuk terus berkembang secara holistik. Disebabkan hal itu, maka Komponen Sastera Melayu diwujudkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pelajar mempelajari teks sastera walaupun tidak mengambil matapelajaran Kesusteraan Melayu.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Jigsaw II merupakan antara salah satu modul pembelajaran dalam kaedah pembelajaran koperatif yang boleh dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang sudah lama diperkenalkan oleh Slavin (1986) yang diadaptasi daripada model Jigsaw, namun masih terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti yang menyebabkan kaedah ini kurang dilaksanakan dalam pembelajaran di dalam kelas. Salbiah (2000) menyatakan bahawa teknik Jigsaw II ini masih baru pelaksanaannya di Malaysia menyebabkan ia masih kurang popular untuk digunakan dalam pembelajaran . Selain itu, masalah lain yang dikenal pasti dalam pelaksanaan teknik Jigsaw II ini mengenai persepsi terhadap keberkesanan kaedah Jigsaw ini dalam pencapaian akademik yang dianggap kurang berkesan. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Robert M. Mattingly dan Ronald L. VanSickle (1991) ada menyebut mengenai kaedah Jigsaw adalah kajian yang kurang berkesan berbanding dengan kaedah-kaedah dalam pembelajaran koperatif yang lain yang diperolehi melalui kajian Newzman dan Thompson (1987). Dalam kajian yang dijalankan oleh Tomblin dan Davis (1985), kaedah Jigsaw dinyatakan sebagai tidak berkesan dalam pencapaian akademik berbanding daripada kaedah bukan koperatif dan ada kajian yang menyatakan kaedah Jigsaw ini kurang berkesan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji keberkesanan Jigsaw II ini membantu dalam pencapaian pelajar dan lebih baik berbanding Jigsaw I khususnya dalam pengetahuan gaya bahasa teks puisi tradisional dan mengatasi kekurangan yang wujud dalam perlaksanaan teknik Jigsaw I.

Satu kajian telah dilaksanakan oleh Yulia Djahir (2007) mengenai pelaksanaan teknik Jigsaw II dalam Pdpc. Beliau menyatakan pelajar kurang memahami tatacara pelaksanaan teknik Jigsaw II, para pelajar berasa bingung untuk bergerak daripada kumpulan ahli kepada kumpulan pakar kemudian bergerak semula ke kumpulan ahli dan mereka juga mengalami masalah untuk mengeluarkan pendapat semasa perbincangan dan laporan. Hal ini disebabkan oleh pelajar pintar mendominasi sesi perbincangan. Oleh itu, pengkaji berharap dengan kajian yang dilaksanakan ini dapat membantu mengatasi masalah dalam pelaksanaan teknik Jigsaw II ini terutamanya kesamarataan dalam memperolehi ilmu pengetahuan. Pengkaji akan membuktikan bahawa masalah pelaksanaan aktiviti ini dapat diatasi jika dilaksanakan mengikut tatacara yang betul dan kepakaran guru menguasai kelas.

Pada hari ini pelbagai masalah yang timbul mengenai pembelajaran sastera tidak kira dalam Komsas mahupun dalam pendidikan Kesusastraan Melayu itu sendiri. Hal ini kerana, para pelajar hari ini tidak gemar membaca teks sastera khususnya teks puisi kerana ia sukar difahami dan memerlukan penghayatan serta daya pemikiran yang tinggi untuk memahami maksud atau intipati teks sastera tersebut. Perkara ini yang menyebabkan wujudnya rasa bosan dengan mudah dalam kalangan pelajar dan pemikiran negatif tentang karya sastera ini sebagai satu karya yang sia-sia.. Hal inilah yang menyebabkan mereka sekadar membaca sahaja dan tidak dapat menghayati dan memahami dengan mendalam intipati serta mesej yang cuba disampaikan dalam sesuatu teks sastera khususnya teks puisi. Philips (1997) dan Chew Fong Peng (2016) mempunyai pendapat yang sama sikap segelintir pelajar pada hari ini hanya belajar

untuk mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan akan datang sahaja serta gagal untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Perkara-perkara seperti inilah yang menyebabkan berlakunya masalah dalam pembelajaran sastera. Selain itu, Anisah (2009) menyatakan bahawa para pelajar bersikap pasif semasa pembelajaran sastera. Siti Masrah Sulakiah (2017) menyatakan bahawa faktor minat menjadi punca kepada pencapaian murid dalam ujian dan peperiksaan awam Bahasa Melayu tidak mencapai tahap yang cemerlang. Semua masalah ini akan cuba diatasi oleh pengkaji melalui pelaksanaan teknik Jigsaw II. Pengkaji mahu membuktikan bahawa dengan adanya sesi perbincangan dan laporan serta sikap saling membantu antara ahli kumpulan boleh membantu meningkatkan minat pelajar terhadap teks puisi sastera, meningkatkan kefahaman, melatih pelajar berfikir secara kreatif dan kritis serta meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan. Semua masala ini juga akan diatasi dan dibuktikan melalui pascaujian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji.

Selain itu, pembelajaran sastera Melayu semakin dipinggirkan oleh masyarakat setempat. Pelbagai pihak cuba melaksanakan pelbagai cara dan aktiviti sebagai usaha untuk menyelamatkan sastera melayu agar terus terpelihara, antaranya ialah dengan menwujudkan Komponen Sastera Melayu (Komsas) dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk terus menanamkan rasa minat dalam kalangan pelajar di sekolah. Namun, usaha ini masih belum membawa hasil apabila para pelajar mempunyai tanggapan yang negatif terhadap pembelajaran Komsas. Chew Fong Peng (2006) menyatakan bahawa pelajar hanya belajar untuk memperolehi keputusan yang cemerlang sahaja di samping sikap tidak suka membaca karya sastera selain pengaruh rakan sebaya. Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Norzila Md. Yusof (2011) mendapati bahawa pelajar mempunyai tanggapan yang negatif terhadap pembelajaran Komsas dan menganggap Komsas sebagai satu bebanan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kemudian, para pelajar di sekolah juga tidak meminati sastera kerana kesukaran untuk memahami maksud yang cuba disampaikan melalui teks sastera yang dikaji. Ibrahim (2015) menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan tidak meminati bahan Komsas disebabkan oleh istilah yang sukar difahami dalam teks sastera. Tambahan pula, pembelajaran yang bersifat tradisional juga menyebabkan para pelajar terus tidak berminat dan secara tidak langsung pencapaian pembelajaran merosot. Kajian Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Norzila Md. Yusuf (2011) turut menyatakan bahawa pelajar kurang memahami nilai estetika dan pemikiran yang terkandung dalam teks sastera tidak bermotivasi untuk mempelajari Komsas yang tidak mendatangkan faedah kepada mereka. Aspek nilai estetika termasuklah dari segi gaya bahasa yang terkandung dalam teks Komsas sukar untuk difahami makna yang tersirat serta pemikirannya. Dalam pedagogi Bahasa Melayu, pelbagai cara diperkenalkan sebagai usaha untuk ke arah menguasai kemahiran bahasa dan aspek bahasa yang perlu dikuasai. Namun, masih lagi penguasaan aspek estetika dalam kalangan pelajar kurang dikuasai contohnya adalah penguasaan gaya bahasa dalam teks sastera yang dikaji (Shamsudin Othman, Ghazali Lateh & Nurul Faidzah Ab. Hadi, 2014). Oleh itu, melalui kenyataan-kenyataan yang diperolehi menunjukkan bahawa penguasaan aspek sastera seperti gaya bahasa kurang dikuasai oleh para pelajar.

Laporan Barnes menyatakan bahawa Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan dalam institusi pendidikan sejak zaman penjajahan British lagi. Oleh itu, Kesusasteraan Melayu ini merupakan satu mata pelajaran yang sudah lama diperkenalkan. Namun sehingga hari ini, sastera melayu masih lagi tidak diberi perhatian sama ada dalam dunia pendidikan atau dunia luar. Walaupun dunia pendidikan pada masa ini dipupuk dengan KBAT, namun ia masih gagal dilaksanakan dalam mata pelajaran sastera melayu. Kenyataan ini turut disokong oleh satu kajian yang dilakukan oleh N.S Rajendran (2000) yang menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan sastera melayu masih belum menerima perhatian yang secukupnya dalam konteks pengajaran kemahiran berfikir walaupun sastera Melayu pada hari ini mampu menjadi wahana kepada KBAT. Perkara ini turut berkait rapat dengan pembelajaran koperatif Jigsaw II yang dianggap masih lagi baru dan kurang popular dalam institusi pendidikan di Malaysia. Sama seperti dengan pelaksanaan pembelajaran koperatif Jigsaw II dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu juga turut masih lagi berada di peringkat baru.

Kajian yang dijalankan ini memilih Kolej Vokasional Setapak sebagai lokasi kajian. Hal ini kerana, selain kawasan yang strategik, tujuan pengkaji menjadikan para pelajar kolej vokasional sebagai responden kajian kerana keputusan Bahasa Melayu PT 3 yang diperolehi oleh kebanyakan pelajar berada pada tahap yang tidak memuaskan. Keputusan peperiksaan Bahasa Melayu PT 3 bagi para pelajar jurusan Pemesinan Industri dengan Penyejukkan dan Penyamanan Udara seperti berikut:

**Rajah 1.1: Keputusan Bahasa Melayu PT 3 Pelajar Jurusan Penyejukkan dan Penyamanan Udara**

Keputusan	Bilangan Pelajar
A	0
B	8
C	10
D	5
E	2
F	0
TIDAK HADIR	0

**Rajah 1.2: Keputusan Bahasa Melayu PT 3 Pelajar Jurusan Pemesinan Industri**

Keputusan	Bilangan Pelajar
A	0
B	7
C	10
D	6
E	2
F	0
TIDAK HADIR	0

Selain itu, penekanan kepada pembelajaran vokasional menyebabkan para pelajar kolej vokasional ini kurang gemar dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji berharap dengan mengaplikasikan teknik Jigsaw II ini dapat membantu para pelajar Kolej Vokasional Setapak menguasai pengetahuan gaya bahasa dan meningkatkan minat dalam pembelajaran teks puisi tradisional.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian mengenai pembelajaran koperatif Jigsaw II ini pada secara amnya untuk melihat keberkesanannya dalam penguasaan sastera. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengenal pasti pembelajaran gaya bahasa teks puisi tradisional terhadap praujian pelajar
2. Menentukan pembelajaran gaya bahasa teks puisi tradisional terhadap pascaujian pelajar dengan menggunakan teknik Jigsaw II
3. Menilai penggunaan teknik Jigsaw II dalam pencapaian pembelajaran gaya bahasa teks puisi tradisional

#### **1.5 Hipotesis Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab hipotesis yang berikut :

- Ho1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min praujian antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen
- Ho2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pasca ujian antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen
- HI3. Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan pascaujian dalam kumpulan eksperimen berdasarkan teknik Jigsaw II

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

##### **1.6.1 Pelajar Kolej Vokasional Setapak**

Hasil kajian ini amat penting buat para pelajar terutamanya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional Setapak Kuala Lumpur. Hal ini kerana, kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa kaedah koperatif khususnya penggunaan teknik Jigsaw II dapat membantu untuk memudahkan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar khususnya dalam mempelajari teks sastera disamping dapat membantu pelajar untuk mempelajari dan memahami teks sastera dengan cara yang lebih mudah, seronok dan singkat.

Kepentingan pembelajaran Jigsaw II ini dalam kalangan pelajar khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mendedahkan para pelajar dengan pembelajaran abad ke-21 yang lebih baik. Dalam pembelajaran abad ke-21, teknik Jigsaw adalah salah satu teknik yang disarankan untuk digunakan kerana boleh membantu pelajar memahami teks puisi tradisional dengan lebih seronok dan mudah. Sejurus itu, ia dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran gaya bahasa dalam Bahasa Melayu. Akhir sekali, teknik Jigsaw II ini juga diperkenal untuk meningkatkan penghayatan pelajar terhadap teks puisi tradisional. Selaras dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21 pada hari ini, kajian ini dianggap amat penting kerana teknik Jigsaw II yang digunakan dalam pembelajaran teks sastera ini akan menerapkan elemen-elemen pembelajaran abad ke-21 yang banyak menggalakkan pemikiran aras tinggi serta mendidik para pelajar untuk lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam mencari ilmu pengetahuan tanpa bergantung sepenuhnya dengan guru.

### **1.6.2 Kolej Vokasional Setapak**

Pelaksanaan kaedah pembelajaran Jigsaw II amat penting bagi lokasi kajian iaitu Kolej Vokasional Setapak. Hal ini kerana, para pelajar yang menyambung pelajaran dalam bidang vokasional lebih meminati subjek vokasional berbanding subjek akademik terutamanya Bahasa Melayu. Oleh itu, dengan pelaksanaan aktiviti Jigsaw II ini secara tidak langsung berharap agar dapat terus meningkatkan minat untuk belajar dan hasil pencapaian pembelajaran yang memberansangkan.

Tujuan teknik Jigsaw II ini diperkenalkan untuk membantu menimngkatkan tahap kecemerlangan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu. Tambahan pula, subjek Bahasa Melayu adalah subjek yang wajib lulus bagi pelajar yang akan meneruskan pelajaran ke tahap Diploma Vokasional Malaysia. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadikan Kolej Vokasional Setapak sebagai kolej rintis penggunaan teknik Jigsaw II dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kemudian, kajian ini dilaksanakan untuk membantu guru-guru di kolej vokasional mewujudkan suasana PdPc yang terkini menepati pembelajaran abad ke-21. Sejurus itu, ia dapat meningkatkan kecemerlangan guru dalam institusi pendidikan.

### **1.6.3 Guru Bahasa Melayu**

Guru merupakan penggerak kepada sesuatu institusi pendidikan. Tanpa guru, sebarang transformasi dan pembaharuan pendidikan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Begitu juga pelaksanaan teknik Jigsaw II memberikan kepentingan kepada para guru terutamanya guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu.

Pelaksanaan teknik Jigsaw II mempunyai tahap pelaksanaan yang telah digariskan oleh Slavin (1984) dan perlu dituruti mengikut urutan untuk memperolehi hasil pencapaian pelajar yang baik. Setiap guru perlulah mempunyai ilmu dan menguasai tahap pelaksanaan ini dengan baik, guru yang tidak menguasainya dikhawatir tidak memperolehi hasil pencapaian murid yang baik. Kepentingan kajian ini kepada guru Bahasa Melayu ialah, dapat membantu para guru mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan aktif mengikut perkembangan pembelajaran abad ke-21. Selain itu, ia juga membantu guru meningkatkan penguasaan kelas yang efektif untuk mewujudkan suasana PdPc yang lebih aktif dalam kalangan pelajar dan membantu meningkatkan kemahiran guru dalam mengaplikasi teknik Jigsaw II.

### 1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya bertumpu kepada kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II sahaja. Dalam kajian ini, pengkaji hanya melihat kesan penggunaan pembelajaran koperatif Jigsaw II dalam penguasaan pembelajaran sastera.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan dua teks puisi tradisional yang terdapat dalam teks Komsas Tingkatan Empat iaitu ‘Jaket Kulit Kijang’ (DBP 2016). Dua teks puisi tradisional yang dikaji iaitu “Syair Bidasari” dan “Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga” sahaja. Hal ini kerana sistem pembelajaran di kolej vokasional berdasarkan modul yang telah ditetapkan. Bagi semester pertama, hanya dua puisi tradisional sahaja yang akan dikaji. Oleh itu, pengkaji menggunakan kesempatan ini untuk lebih fokus dengan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi tradisional. Pengkaji menggunakan kedua-dua puisi tradisional ini secara sepenuhnya untuk mengkaji keberkesanan kaedah pembelajaran Jigsaw II ini. Gaya bahasa yang dikaji bagi kedua-dua puisi ini juga tidak sama. 5 gaya bahasa yang dikaji dalam teks syair ialah asonansi, simile, hiperbola, repitasi dan inversi. Manakala, 5 gaya bahasa yang dikaji bagi teks gurindam pula ialah asonansi, aliterasi, diksi, inversi dan kiasan.

Selain menilai pencapai pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa, kajian ini juga dilaksanakan untuk menilai perubahan tingkah laku yang terjadi pada diri responden. Pengkaji ingin melihat jika perubahan tingkah laku ini membawa kepada peningkatan pencapaian pembelajaran gaya bahasa. Penilaian ini akan dilaksanakan secara pemerhatian mengikut borang senarai semak pemerhatian melalui pelaksanaan 5 tahap teknik Jigsaw II iaitu aras membaca, perbincangan, laporan, kuiz dan penghargaan yang telah digariskan oleh Slavin (1991) dalam pelaksanaan teknik Jigsaw II. Hasil pencapaian akan dinilai menggunakan soalan kuiz dan ujian pasca.

Selain daripada itu, pengkaji hanya menjalankan kajian di Kolej Vokasional Setaapak sahaja. Hal ini kerana, pelaksanaan pembelajaran koperatif Jigsaw II dalam kajian ini perlu diteliti dan anggaran masa yang diambil selama dua hingga empat minggu untuk melihat keberkesanan pembelajaran ini.

Pengkaji juga hanya menggunakan seramai 50 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun 1 kursus Pemesinan Industri dengan Penyejukan dan Penyamanan Udara sebagai responden kajian. Pengkaji membahagikan kepada dua kumpulan iaitu 25 orang kumpulan eksperimen dan 25 orang lagi untuk kumpulan kawalan. Pengkaji memilih 25 orang pelajar tahun 1 Pemesinan Industri sebagai kumpulan kawalan manakala 25 orang pelajar lagi tahun 1 Penyejukkan dan Penyamanan Udara sebagai kumpulan kawalan. Teknik persampelan adalah rawak bertujuan kerana pengkaji sudah mempunya ciri-ciri yang diperlukan untuk memilih responden.

## **1.8 Definisi Konseptual dan Operasional.\***

### **1.8.1 Kaedah Koperatif**

Kaedah didefinisikan sebagai langkah-langkah dan peringkat-peringkat yang diajar untuk menguasai sesuatu bahasa atau bahagiannya, sesuai dengan pendekatan yang dipegang (Abdullah Hassan, 1996: 114). Manakala menurut Arbak Othman (1989: 13) pula menakrifkan kaedah sebagai merupakan satu cara keseluruhan mengajar bahasa bagi tujuan-tujuan tertentu melalui prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh sesuatu kaedah itu. Dalam konteks kajian ini , kaedah pembelajaran koperatif akan dibincangkan secara mendalam. Kaedah koperatif bermaksud kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Kaedah koperatif juga didefinisikan sebagai strategi pembelajaran yang diorganisasi melalui kumpulan kecil dan para pelajar bekerjasama untuk mencapai tujuan dalam pembelajaran (Bern & Erickson, 2001: 5). Selain itu, kaedah koperatif juga boleh ditafsir sebagai satu pendekatan atau satu rangka strategi yang khusus dirancang untuk memberi dorongan kepada pelajar agar dapat bekerjasama sepanjang proses pembelajaran (Sunal & Hans, 2000).

### **1.8.2 Model Pembelajaran Koperatif Jigsaw II**

Model pembelajaran merupakan satu acuan kepada sesuatu pendekatan dalam pembelajaran termasuklah aspek tujuan, sintaks, lingkungan dan sistem pengelolaannya (Slavin, 2010). Manakala Trianto (2009) pula berpendapat model pembelajaran adalah satu pendekatan yang luas dan menyeluruh serta dapat diklasifikasikan berdasarkan tujuan pembelajaran, sintaks (pola urutan), dan sifat lingkungan belajarnya. Dalam kajian ini, pengkaji akan fokus kepada Model Pembelajaran Koperatif Jigsaw II.

Pembelajaran koperatif Jigsaw II adalah sebuah ketetapan pembelajaran yang dilakukan secara berkelompok, di mana di dalam kelompok tersebut terdiri daripada beberapa pelajar yang bertanggungjawab untuk menguasai bahagian subtopik yang diberi dan

mengajarkan subtopik yang dikuasai itu kepada rakan-rakan kumpulan yang lain (Sudrajat, 2008:1). Kaedah koperatif Jigsaw II ini amat mementingkan pencapaian matlama dalam sesuatu pembelajaran secara berkumpulan. Disebabkan hal ini, pelajar yang lemah dan pintar akan berada dalam satu kumpulan yang sama untuk membantu pelajar yang lemah ini bersama-sama mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Hubungan sosial yang baik dan sikap bertanggungjawab antara setiap ahli kumpulan amat dititikberatkan dalam kaedah ini. Pembelajaran koperatif ini merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan pelbagai kebolehan kerjasama dalam satu kumpulan yang kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Slavin (2009: 13) juga menyatakan terdapat empat prinsip pembelajaran koperatif jika ingin menerapkannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Prinsip pertama adalah '*Positive Interdependence*' iaitu kebergantungan positif antara satu sama lain, kedua adalah '*Individual Accountability*' iaitu terbentuknya rasa tanggungjawab individu, ketiga adalah '*Equal Participation*' iaitu keseimbangan dan keputusan dalam kelompok dan keempat adalah '*Simultaneous Interaction*' iaitu interaksi secara menyeluruh. Lima elemen yang terdapat dalam pembelajaran koperatif ini adalah saling bergantung antara satu sama lain secara positif, saling berinteraksi secara bersemuka, akauntabiliti individu atas pembelajaran diri sendiri, kemahiran koperatif dan pemprosesan kumpulan. Sasaran bagi pembelajaran koperatif ini bukanlah bersifat individu tetapi untuk rakan-rakan sekumpulan yang lain juga.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji hanya akan mengkaji keberkesanan kaedah Jigsaw II sebagai salah satu kaedah yang terdapat dalam koperatif yang boleh membantu penguasaan sastera dengan baik.

### **1.8.3 Teks Puisi Tradisional**

Teks mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kata-kata asli daripada pengarangnya sendiri. Kridalaksana (2011:238) melalui Kamus Linguistiknya menyatakan bahawa teks adalah satuan bahasa terlengkap yang bersifat abstrak, deretan kalimat, kata, dan sebagainya yang membentuk ujaran. Sebagai kesimpulannya, teks merupakan satu satuan bahasa sama ada bahasa tulisan atau bahasa lisan yang terhasil daripada interaksi serta komunikasi manusia.

Perkataan ‘sastera’ berasal daripada bahasa Sanskrit yang membawa maksud kitab suci. Selain itu, sastera juga merupakan satu bidang seni kreatif yang medium penghantarnya adalah bahasa. M.K Danziger dan W.S Johnson (1983) mendefinisikan sastera sebagai satu seni yang menggunakan bahasa yang bersifat kreatif. Manakala Abu Bakar Hamid (1997) menyatakan bahawa sastera sebagai satu seni yang bercorak intelektual dan gabungan kepuasan intelek serta kepuasan estetik.

Dalam kajian ini, teks sastera yang digunakan ialah Syair Bidasari dan Gurindam Dua Belas Fasal Ketiga yang akan dijadikan sebagai bahan kajian sepanjang pelaksanaan teknik Jigsaw II.

#### 1.8.4 Komsas

Komsas ini merupakan akronim kepada Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu yang mula diperkenalkan pada Mei 2000 dalam Kurikulum Sekolah Menengah melalui silibus sekolah menengah. Komsas ini merupakan salah satu elemen dalam sastera melayu yang diperkenalkan dengan harapan dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan melalui karya-karya sastera yang diangkat menjadi teks Komsas serta melahirkan para pelajar yang tinggi nilai kemanusiaannya.

Dalam kajian ini, selain penguasaan sastera melayu, pengkaji juga turut mengambil kira penguasaan komsas sebagai salah satu elemen sastera kerana masih menggunakan karya-karya sastera sebagai teks Komsas. Oleh itu, penggunaan kaedah pembelajaran Jigsaw II ini bukan sahaja diharapkan berkesan untuk menguasai sastera melayu khususnya turut dapat membantu menguasai Komsas sebagai salah satu elemen yang terdapat dalam sastera melayu.

#### 1.8.5 Gaya Bahasa

Perkataan gaya didefinisikan sebagai cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Bahasa mengikut Kamus Dewan Bahasa Keempat (2005) ialah sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain dan sebagainya).

Gaya bahasa mengikut Pendeta Za'ba ialah sebagai rupa susukbahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, iaitu tentang perkataannya, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunan atau bentuk pembahasannya. Mohd Azam Ahmad dan Mohd Isham Embong (2016) mendefinisikan gaya bahasa sebagai penggunaan bahasa sebagai alat atau wahana untuk menyampaikan pemikiram atau pandangan terhadap sesuatu tema dan persoalan melalui karya mereka.

Dalam kajian ini, gaya bahasa ialah salah satu elemen keindahan sastera yang terdapat dalam teks puisi tradisional yang dikaji iaitu **asonasi, aliterasi, simile, inversi, hiperbola, diksi, kiasan dan repitasi**.

Asonansi menurut Hashim Awang (1987) adalah pengulangan bunyi vokal yang berturutan pada perkataan tanpa adanya perulangan bunyi konsonan.

Aliterasi pula adalah perulangan bunyi konsonan pada awal perkataan yang berturutan dalam satu baris atau ayat (Hashim Awang, 1987).

Gaya bahasa simile mengikut Maniyamin Haji Ibrahim (2006) menyifatkan sebagai perbandingan kata-kata seperti bak, laksana, umpama, seperti dan lain-lain.

Hashim Awang (1987) mendefiniskan inversi sebagai urutan kata yang menyimpang dari kebiasaan.

Hiperbola pula bermaksud ungkapan atau pernyataan kiasan yang berlebih-lebihan atau sengaja dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan bertujuan ditafsirkan secara harafiah (Shamsudin Othman, 2017).

Maniyamin Haji Ibrahim (2006) mendefinisikan diksi sebagai keindahan bahasa yang terhasil kesan daripada manipulasi bahasa oleh manusia.

Kiasan mengikut Rachmat Djoko Pradopo (2005) adalah mengiaskan atau mempersamakan sesuatu hal dengan hal lain supaya gambaran menjadi jelas, lebih menarik dan hidup.

Akhir sekali, repitasi mengikut Dr. Mohd Azam Ahmad dan Mohd Isham Embong mendefinisikan repitasi sebagai perulangan.

### **1.9 Rumusan**

Bab ini telah membincangkan mengenai pengenalan dan latar belakang kajian. Kemudian, bab ini juga ada menjelaskan mengenai permasalahan, persoalan kajian, objektif kajian, rasional serta batasan kajian, definisi konseptual dan operasional. Secara kesimpulannya, bab ini digunakan dengan lebih mendalam untuk memperkenalkan kajian ini dan menyatakan kepentingan kajian ini dalam menyelesaikan beberapa masalah yang telah dikenal pasti.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib. 2000. *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd
- Abdullah Hassan. 1996. Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Menengah Rendah Kebangsaan di Negeri Selangor. Tesis Master: Universiti Putra Malaysia
- Akhmat Sudrajat. 2008. *Pengertian Pendekatan, Strategi, Metode, Teknik, Taktik dan Model*. Indonesia: Bumi Aksara
- Amira, N. 2008. Persepsi Guru Sains Terhadap Kaedah Pembelajaran Koperatif Berdasarkan Kemahiran Sosial Pelajar dan Minat Guru. *Fakulti Pendidikan UTM*.
- Apri Priyatna. 2013. *Keefektifan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw II Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Materi Perjuangan Kemerdekaan Indonesia Pada Siswa Kelas V SD Negeri Parereja 01 Kabupaten Berebes*, Thesis, Universitas Negeri Semarang.
- Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Block, C.C. 1993. *Teaching the language arts: Expanding thinking through student-centered instruction*. Boston: Allyn and Bacon
- Chew Fong Peng & Shashipiriy Nadaraja. 2014. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif Dan Kritis dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 10-24.
- Effendi Zakaria .1998. *Pembelajaran Koperatif*, Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Ph D. Tidak Diterbitkan.
- Eka Melati. 2015. The Effect Of Jigsaw II Toward Learning Motivation And Reading Comprehension At The Grade Of English Student In STKIP Dharma Bakti. *Jurnal Ipteks Terapan*. ISSN: 1979-9292, V8.i2 (40-58).
- Hashim Awang. 1987. *Glosari Mini Kesusastraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Ibrahim, S. 2015. *Motivasi Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Menggunakan Teknologi Multimedia Pada Abad ke-21*. Universiti Malaysia Sarawak.

- Jamian, A.R., Othman, S., & Yusof, N.M. 2011. Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkat Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 45-57
- Jamidar. 2015. Implementasi Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw II untuk Meningkatkan Hasil Belajar Siswa Kelas VIII B SMPN 2 Sirenja pada Materi Teorema Pythagoras. *Jurnal Kreatif Tadulako Online*. ISSN: 2354-614 X. Vol. 4, No. 3.
- Johnson, D. W., & Johnson, R. T. 1974. Instructional Goal Structure: Cooperative, Competitive, or Individualistic. *Review of Educational Research*, 44(2), 213-240.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2011. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Blueprint executive summary. Dimuat turun dari <http://www.moe.gov.my/jpn>
- Khadir, R. 2010. *Minat Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Komsas Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua*. Open University, Kuala Lumpur.
- Laungeng, S.H. 2016. Strategi Peta Konsep dan Strategi Tradisional terhadap Pencapaian KOMSAS dalam Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 30-37.
- Mahamod, Z. & Noor, N. A. M. 2011. Persepsi Guru tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal Language Studies*, 11(3), 163-177
- Maniyamin Haji Ibrahim. 2006. Gaya Bahasa Kiasan Penggunaan dan Keberkesanannya dalam Sajak. Shah Alam: Karisma Publications.
- M.K. Danziger & W.S. Johnson. 1983. *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muliana Tanah. 2011. *Pendekatan pengajaran guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah di zon Lahad Datu*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Nazaruddin Ali Basyah & Muhammad Husin. 2014. Efektifitas Model Jigsaw II Dalam Meningkatkan Keahlian Berkomunikasi, Sikap dan Prestasi Akademik Siswa Dalam Mata Pelajaran Ekonomi di Sekolah Aceh. *Jurnal Pencerahan*. ISSN: 1693-7775. Vol. 8, Bil. 1, hlmn 01-14.

- Norul Haida Reduzan. 2012. Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Kelas Bahasa Melayu. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. Vol. 3, 2012, hlmn 51-69.
- N.S Rajendran. 2000. *Kesusasteraan Sebagai Wahana Mengajar Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000.
- Onge Eng Tek & Yeo Chong Eu. 2011. The Effectiveness of Jigsaw-II Cooperative Learning Method on Student Chemistry Achievement, Interest, Interaction Level, and Attitudes. *Malaysian Journal of Science and Mathematics Education*, 1(1), 46-61.
- Polai, S. 2001. *Satu Kajian Terhadap Kepentingan Penghayatan dan Pengamalan Pembelajaran Koperatif bagi Pelajar Sarjana Pendidikan PTV KUITTHO*. Sept.2001.
- Rachmat Djoko Pradopo. 2005. Pengkajian Puisi. Indonesia: Gadjah Mada University Press.
- Rine Pertwe, Neni Hermita & Hamizi. 2012. *Penerapan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw II untuk Meningkatkan Hasil Belajar IPA Siswa Kelas IV SD Negeri 97 Pekanbaru*, Tesis, Universitas Riau.
- Rizki Ariviana. 2016. *Keefektifan Strategi Jigsaw II Terhadap Kemampuan Membaca Pemahaman Pada Siswa Kelas VIII SMP Negeri 5 Sleman*, Tesis, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Robert E. Slavin. 2009. *Cooperative Learning: Teori, Riset dan Praktik (Edisi Terjemahan)*. Bandung: Nusa Media
- Robert M. Mattingly & Ronald L. VanSickle. 1991. *Cooperative Learning and Achievement in Social Studies: Jigsaw II*. Social Education 55 (6) pps. 392-385.
- Rozita Radhiah & Abdul Rashid Jamian. 2012. Amalan pengajaran karangan guru cemerlang dalam bilik darjah: Kajian kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27: 51-68.
- Rustaman, N.Dirdjosoemarto, S.Yudianto, S.A. Achmad, Y.Subekti, .Rochintaniawati, D.& Nurjhani, M. 2003. *Common Text Book Strategi Belajar mengajar Biologi*. (Edisi Revisi). Bandung: JICA-IMSTEP-UPI
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Hj. Muhamad. 1988. *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Salbiah Mohd Som. 2000. *Kajian Kes Tentang Pelaksanaan Kemahiran Proses Sains Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Biologi Tingkatan Empat*. Disertasi Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Salha Mohamed Hussain. 2014. Keberkesanan Pembelajaran Kooperatif Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Bahasa Melayu. *Proceeding of the Global Summit on Education 2014* (e-ISBN 978-967-11768-5-6).
- Shamsudin Othman, Ghazali Lateh & Nurul Faidzah Ab.Hadi. 2014. Penggunaan Gaya Bahasa Sastera Dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 1 (Mei 2014): 59-64.
- Shamsudin Othman. 2017. *Antologi Kubentang Sehelai Peta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Masrah Sulakah. 2017. *Aplikasi Padlet Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS)*, Tesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Slavin, R. E. 1982. Cooperative learning: Student teams. What research says to the teacher. *Washington, D. C National Education Association*
- Slavin, R.E. 1986. *Using Student Team Learning (3<sup>rd</sup> ed.)* Baltimore, Maryland: The John Hopkins University.
- Slavin, R.E. 1995. *Cooperative Learning: Theory, research and practise*. Boston: Ally & Bacon.
- Surasa, Mulyanto Widodo & Edi Suyanto. 2013. Keefektifan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw II Dalam Menulis Puisi. *Jurnal J-Simbol (Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya)*. Vol 1, No. (2).
- Tengku Fairus Raja Hassan. 2015. *Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*, Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Trianto. 2010. *Model Pembelajaran Terpadu*. Surabaya: Bumi Aksara.
- Venti Widhiawatie Kusumaningtyas. 2012. *Penerapan Pembelajaran Kooperatif Teknik Jigsaw Untuk Meningkatkan Minat Belajar Siswa Mata Pelajaran IPS Kelas VIII C SMP N 2 Ngaglik*, Kajian Ilmiah Sarjana Pendidikan, Universitas Negeri Yogyakarta.

- Widya Lestari Koswara. 2014. Metode Jigsaw II Dalam Pembelajaran Apresiasi Tokoh Pada Novel Remaja. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*. Indonesia: Universitas Pendidikan Indonesia.
- Yusfaiza Yusuff & Mohd Ishah Awang. 2012. *Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II Dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 2, Bil. 2 Nov. 2012): 62-70.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malin: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idirs.



## **BIODATA PELAJAR**

Pelajar dilahirkan pada 8 November 1992 di Klang, Selangor. Puteri sulung daripada dua orang adik-beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Dengkil, Selangor dan menyambung persekolahan ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dengkil dan tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Manggis. Beliau kemudian menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama (PBMP).


Setelah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda, beliau kemudian mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di peringkat Master Sains Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama (PBMP). Kini, beliau bertugas sebagai Guru Bahasa Melayu di Kolej Vokasional Setapak, Kuala Lumpur.

## **SENARAI PENERBITAN**

Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman & Azhar Md Sabil. 2018. Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 41-50*

Nur Syaza Farha Diyazid & Shamsudin Othman. 2018. Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar PBMP. *INJEK (Submit)*







UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : 2016/2017

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KESAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF JIGSAW II TERHADAP PENCAPAIAN PEMBELAJARAN GAYA  
BAHASA TEKS PUISI TRADISIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

NAMA PELAJAR : NUR SYAZA FARHA BINTI DIYAZID

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta  
Rahsia Rasmii 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran  
kepada umum oleh organisasi/institusi di mana  
penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA  
diakses

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan  
oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)  
No.Kad Pengenalan / No. Pasport:

Tarikh:

(Tandatangan Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh:

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]